


KAKI CANTIK

Kaedah Cinderella Surgery

PERNAHKAH ANDA TERFIKIR BENTUK DAN RUPA PARAS KAKI JUGA BOLEH DIPERBAIKI AGAR TAMPAK CANTIK DAN MUAT KASUT IDAMAN? CANTIK BUKAN HANYA DIUKUR PADA WAJAH MALAH PERUMPAMAAN CANTIK DARI HUJUNG RAMBUT KE HUJUNG KAKI ADA BENARNYA. SELALUNYA KITA HANYA SIBUK MEMPERKATAKAN SOAL MENCANTIKKAN WAJAH DAN TUBUH DENGAN PELBAGAI KAEDAH DAN RAWATAN, NAMUN DI NEGARA BARAT MASA KINI, TREND PERAWATAN DAN PEMBEDAHAN UNTUK MENCANTIKKAN KAKI MULA MENDAPAT PERHATIAN RAMAI WANITA.



Kasut tumit tinggi, punca kaki bermasalah.

DEMI menyarungkan sepatu designer yang mewah dan popular, ramai wanita sanggup berhabis duit untuk memilikinya. Namun ada juga yang kecewa lantaran tidak dapat menyarung kasut bergaya kerana bentuk kaki yang bermasalah dan juga bunion. Tidak hairanlah kini ramai yang ingin memperbaiki bentuk kaki malah fenomena designer feet for designer shoes bagi menjadi trend wanita yang obses kasut.

Menurut Dr. Ali Sadrieh, pakar pembedahan kaki di Beverly Hills, sedekad lalu permintaan wanita yang

mahu pembedahan kerana kaki sakit tatkala cuba memakai kasut tumit tinggi mungkin agak keterlaluan.

Namun kini ia menjadi trend popular di New York, ada pesakit wanita yang datang ke kliniknya dengan membawa kasut idaman. Jelas Dr. Sadrieh, bagi mereka ia adalah satu keperluan untuk membina keyakinan diri dan kecantikan luaran.

Tambahnya lagi, pembedahan kaki ini dikaitkan dengan kisah dongeng, justeru ia lebih dikenali sebagai Prosedur Cinderella Surgery di mana pembedahan dibuat agar kaki muat pada kasut tertentu terutamanya kasut rekaan pereka terkemuka yang mempunyai bentuk dan potongan yang runcing.

"Saya mencipta nama yang sesuai untuk prosedur ini. Nama Cinderella dipilih kerana situasi di mana ramai yang cuba menyarungkan kasut yang tidak muat di kaki," jelasnya.

Berdasarkan pengalamannya, situasi yang dipanggil Perfect 10 seperti aesthetic Toe-Shortening pernah dilakukan ke atas model berusia 17 tahun agar dia dapat memakai kasut tertentu selaras dengan kerjayanya. Manakala Model T pula merujuk kepada toe-lengthening dan juga Foot Tuck untuk memperbaiki keadaan kaki agar dapat memakai kasut tumit tinggi.

Sementara itu, menurut Dr. Neal Blitz,



pakar pembedahan kaki khusus dalam estetik dan prosedur rekonstruksi di Manhattan menerima banyak permintaan untuk prosedur ini apabila kasut-kasut pereka terkemuka seperti Monolo Blahnik, Christian Louboutin dan Nicholas Kirkwood menjadi fenomena dalam industri fesyen.

Bagi Dr. Oliver Zong, pengasas NYC Footcare menganggap dirinya sebagai pencipta foot facelift dan toe tuck yang telah banyak memperbaiki masalah yang dikenali sebagai High Heel Foot bagi memenuhi keinginan pesakit yang ingin kakinya muat memakai stiletto dan Hitchiker's Toe bagi memperbaiki ibu jari kaki yang abnormal malah dia juga memperkenalkan istilah baru Toebesity.

Sama juga keadaannya di klinik Dr. Suzanne Levine Institute Beaute di Park Avenue, New York. Pesakit yang datang dengan beg yang dipenuhi kasut yang tidak dapat dipakai akibat bunion dan hammertoes adalah perkara biasa. Menurut penulis buku My Feet Are Killing Me ini juga, dia turut menyenaraikan lima penyelesaian antaranya terapi platelet rich plasma, suntikan stem-cell, suntikan filler, Botox, Drysport dan Myobloc untuk



peluh
berlebihan dan juga
senaman kaki.

"Ada juga pesakit yang datang dengan permintaan yang tidak munasabah dan mahukan prosedur liposuction untuk kaki dan juga membuang jari kelengkeng kaki," jelasnya dalam satu laporan dan menolak permintaan kedua-dua prosedur ini.

KOMPLIKASI PROSEDUR

Sementara itu, setiap prosedur baru diperkenalkan lazimnya mempunyai kebaikan dan keburukannya. Bagaimana pun, Dr. Jonathan T. Deland, salah seorang pakar ortopedik di dalam laporannya mengenai pembedahan khas ini menentang prosedur kosmetik ini.

"Perkara yang lebih penting mengenai permasalahan kaki seperti ini tidak menyakitkan malah ia masih bertungsi. Jika memakai kasut bertumit tiga inci setengah boleh menyebabkan kesakitan sedangkan mereka masih boleh memakai kasut tumit dua inci tanpa rasa sakit, ini tidak menunjukkan sebarang kes serius malah tidak memerlukan pembedahan langsung,"ujarnya.

Selain itu, laporan Dr. Deland lagi, dia memandang serius tentang suntikan yang dilakukan oleh sesetengah

pakar untuk
menambahbaikkan
kaki.

"Sekiranya suntikan
ini benar-benar berkesan,

sudah tentu ramai
pakar mengamalkan
prosedur ini pada pesakit,
namun hakikatnya, tidak ada
kesahihan seumpama itu,"
tambahnya lagi.

Manakala menurut
Annette Healey, Naib
Presiden Eksekutif di CBRE,
pembedahan bunion kini
seperti satu keperluan.
Baginya, kasut sukan tidak
begitu sesuai dengan
kerjanya. Setelah mendapat
nasihat dari pakar ortopedik,
Healey didapati mengalami isu
pada kaki yang menyebabkan
dia mengalami sakit belakang.

"Kini saya sudah boleh
berjalan sejauh 20 batu tanpa
masalah dengan memakai
but pereka. Saya memakai
kasut bertumit dan wedges
Prada, Manolo dan Gucci
hampir 95 peratus masa saya
di luar," jelas Healey yang
pernah menjalani pembedahan
bunion.

Walau bagaimanapun, The

American
Orthopedic Foot
and Ankle Society
menentang pembedahan
kosmetik kaki. Menurut
kenyataan akhbar, prosedur ini
boleh menyebabkan komplikasi
seperti kerosakan kekal pada urat
saraf, jangkitan, pendarahan, parut dan
nyeri sewaktu berjalan.

Menurut Andrew Weil, penulis di
New York Times mengulas, biarpun
amaran diberi dari perspektif perubatan,
ia tidak menjejaskan hasrat kaum wanita
yang ingin mendapatkan pembedahan
kaki untuk memperbaiki bentuk kaki
demi memakai kasut tumit tinggi idaman
mereka. H

